

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 04.06.2025 MASA: 09.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG
“GRPB CHAMPION AWARD” MBSP 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**4 JUN 2025 (RABU)
2.30 PETANG**

**BERTAM RESORT PENANG, KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang “GRPB Champion Award” MBSP 2024**, sebuah program yang mendukung aspirasi keterangkuman, kebertanggungjawaban dan inovasi dalam tadbir urus pentadbiran tempatan melalui pendekatan belanjawan responsif gender serta penyertaan rakyat secara menyeluruh.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Pulau Pinang, atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa menyampaikan ucapan secara maya kepada kita semua. Ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menyokong prinsip-prinsip pembangunan yang inklusif serta memperkuat dasar-dasar sosial yang holistik demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.
3. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Rohana binti Abdul Ghani, Ahli

Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC); Yang Berbahagia Dato' Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC dan pihak PWDC, atas kerjasama strategik dan komitmen yang berterusan dalam menyokong pelaksanaan program ini di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sumbangan dan kepakaran PWDC dalam mengarusperdanakan prinsip belanjawan responsif gender amat dihargai dan telah menjadi pemangkin kepada penambahbaikan dasar serta penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

4. Saya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini serta seluruh warga kerja MBSP yang telah bertungkus-lumus menjayakan penganjuran edisi ketiga GRPB Champion Award ini. Penglibatan anda semua membuktikan iltizam kolektif dalam menjadikan transformasi tadbir urus berdasarkan prinsip kebertanggungjawaban dan keterangkuman satu kenyataan.
5. Saya difahamkan, pertandingan ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 25 kumpulan keseluruhan. Dengan penuh rasa bangga, saya ingin mengiktiraf usaha 25 kumpulan yang telah membentangkan projek masing-masing, yang mana 10 kumpulan terbaik telah disenarai sebagai finalis, membawa semangat daya saing yang sihat dalam memacu kecemerlangan perkhidmatan bandar raya.

6. Sesungguhnya, penyertaan aktif serta idea-idea inovatif yang diketengahkan dalam pertandingan ini mencerminkan budaya kerja progresif dalam kalangan warga MBSP. Saya amat berbangga dengan semangat kolaboratif yang ditunjukkan dan berharap agar semua jabatan dapat menjadikan maklum balas serta saranan daripada juri profesional sebagai rujukan dan penambahbaikan berterusan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.
7. Harapan saya agar program seperti ini dapat terus dimantapkan dan diperluas pelaksanaannya, bukan sahaja sebagai pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif terbaik, malah sebagai satu wadah strategik untuk menyemai budaya kerja yang lebih telus, inklusif dan berimpak tinggi selaras dengan aspirasi Penang2030 dan matlamat pembangunan mampan (SDG). Saya percaya, dengan usaha kolektif dan semangat berpasukan yang teguh, kita telah bersedia untuk anjurkan persidangan Neksus GRPB di peringkat kebangsaan pada 27 hingga 28 Oktober 2025 yang turut diadakan di Bertam Resort ini. Persidangan ini membuka peluang kepada PBT-PBT luar untuk melihat projek kumpulan-kumpulan yang telah menyertai GRPB Champion Award MBSP 2024.
8. Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pemenang dan peserta yang telah menunjukkan komitmen tinggi serta daya saing yang sihat. Jadikan kemenangan ini sebagai inspirasi dan

motivasi untuk terus memperkasa perkhidmatan demi kesejahteraan komuniti Seberang Perai.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***